

## SPEKIFIKASI STANDARD CENDAWAN SHIITAKE

### 1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Cendawan Shiitake yang ditanam di Malaysia atau nama botaninya *Lentinula Edodes* dari keluarga Marasmiaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

### 2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada empat (4) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1**: Hujung kelopak masih rapat pada batang. Putik/permulaan matang.

2.1.2. **Indeks 2**: Hujung kelopak yang melengkung mulai renggang daripada batang cendawan dan rerambut mulai kelihatan. Matang.

2.1.3. **Indeks 3**: Hujung kelopak semakin renggang daripada batang dan rerambut jelas kelihatan. Matang.

2.1.4. **Indeks 4**: Rerambut terpisah daripada batang sehingga menampilkan insang di bawah kelopak cendawan. Terlebih matang.

2.2. **Segar** - Mempunyai bentuk kelopak yang sempurna, pejal, kelopak tidak layu seperti berkedut atau kecut.

2.3. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

2.4. **Sempurna bentuk** - Mempunyai kelopak dan batang serta bebas daripada kerosakan dan kecacatan fizikal.

2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotordan cacat bentuk.

2.5.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti kesan habuk kayu dan lain-lain benda asing.

2.5.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal atau sempurna seperti terbantut, bengkok atau melekok.

- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
  - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah dan kecederaan dingin.
  - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
  - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk yang disebabkan oleh organisma mikro.

### 3. **KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran. (Indeks 2 dan Indeks 3).
- 3.2. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.3. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.4. Dirapikan dengan sempurna.
- 3.5. Cendawan berkeadaan sempurna.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Cendawan Shiitake dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 3$ $\leq 5$ $\leq 10$
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang agak seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$
<b>2</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang agak seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 10$

- 4.2. Bagi Cendawan Shiitake, saiz ditentukan oleh diameter kelopak dalam unit sentimeter (sm) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		LEBAR KELOPAK (sm)
Lebih Besar	XL	A	>4.6
Besar	L	B	3.6 – 4.5
Sedang	M	C	2.6 – 3.5
Kecil	S	D	2.0 – 2.5

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Cendawan Shiitake daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

## 6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS atau kaedah statistik yang dipersetujui.

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "*Method Of Sampling For Fresh Vegetables*" atau kaedah statistik yang dipersetujui.